

# Program komuniti jaga kebersihan, kitar semula sampah akan diperluaskan

BH ONLINE | Ahad, 22 September 2019 | 3:22pm



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin beramah mesra dengan sukarelawan program #tenagakita Plogging Trash To Cash di Pangsapuri 940, Pandan Indah, Kuala Lumpur, hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Program komuniti penjagaan kebersihan dengan mengitar semula sampah sebagai sumber pendapatan, akan diperluaskan ke seluruh negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata program itu yang ketika ini hanya diperkenalkan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), diharap mampu mendidik masyarakat untuk membudayakan penjagaan kebersihan.

“Program ini dijalankan di 24 kawasan bawah MPAJ. Setakat ini, empat kawasan sudah menganjurkan program komuniti ini.

“Jika program ini berjaya, kita akan menstrukturkannya untuk diperkenalkan pada peringkat nasional di seluruh negara.

“Dengan adanya program kemasyarakatan ini, rakyat akan membantu kerajaan (menjaga kebersihan),” katanya kepada media selepas merasmikan program #tenagakita Plogging Trash To Cash di Pangsapuri 940, Pandan Indah, di sini, hari ini.

Program itu bukan saja menggalakkan penduduk memungut sampah di kawasan sekitar penempatan mereka, malah membantu menjana pendapatan masyarakat apabila menghantar sampah ke pusat pengumpulan ditetapkan dan dibayar wang tunai.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, usaha itu turut menyasarkan kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), selain menjadikan golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) keutamaan dalam aspek penjagaan kebersihan.